

Frequently Asked Questions

36 FAQs

Pengurusan Akademik & Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

1

Adakah pelajar baharu dan pelajar sedia ada UMT perlu ke kampus UMT seperti jadual?

Kemasukan semula pelajar baharu dan pelajar sedia ada UMT sesi 2020/2021 yang dijadualkan pada 4-8 Oktober 2020 ke kampus dalam tempoh PKPP adalah **DITANGGUHKAN**.

2

Adakah penangguhan tersebut hanya terpakai kepada pelajar baharu sahaja?

Tidak. Arahan penangguhan kemasukan pelajar secara fizikal ini meliputi semua peringkat pengajian dan kategori pelajar UMT. Proses pendaftaran pelajar baharu hendaklah dilakukan **secara dalam talian**.

3

Adakah pelajar yang berada di kampus boleh terus berada di UMT?

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh **kekalkan berada di kampus**. Pihak UMT akan membantu segala keperluan yang diperlukan oleh kumpulan pelajar ini.

4

Adakah aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dijalankan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)?

Ya, aktiviti PdP akan dijalankan seperti biasa bermula **5 April 2020 secara dalam talian**.

5

Bagaimanakah Pengajaran dan Pembelajaran dijalankan?

Pengajaran dan Pembelajaran dijalankan **secara dalam talian** sehingga pengumuman baharu mengenainya dibuat.

6

Apakah nombor yang boleh dihubungi pelajar jika ada soalan berkaitan COVID-19 di UMT?

Hotline Bilik Gerakan COVID-19 UMT boleh dihubungi di talian berikut:
Tel: 09-6685059
Fax: 09-6685058

7

Bagaimanakah peruntukan kewangan untuk langganan internet disalurkan kepada pelajar?

Pelajar boleh merujuk kepada **Pejabat Bendahari** untuk semakan status dan proses permohonan.

8

Adakah program yang melibatkan kehadiran yang ramai dihentikan atau diteruskan?

UMT **menangguhkan semua program atau aktiviti** yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

9

Adakah Kalendar Akademik sedia ada berubah berikutan tempoh PKPP ini?

Kalendar Akademik adalah **tidak berubah**.

10

Dimanakah pelajar boleh mendapatkan maklumat terkini berkenaan COVID-19?

Pelajar diminta sentiasa merujuk saluran **Telegram Crisis Preparedness Response Center**, Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikemaskini setiap hari untuk maklumat terkini.

Frequently Asked Questions

36 FAQs

Pengurusan Akademik & Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

11

Adakah pelajar Sarjana Kerja Kursus juga tertakluk kepada aktiviti PdP secara dalam talian?

Ya, aktiviti PdP bagi pelajar Sarjana Kerja Kursus juga dilaksanakan **secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020**.

12

Adakah sesi viva bagi pelajar pascasiswazah (penyelidikan) dijalankan seperti biasa selepas tamat tempoh PKP?

Ya, sesi viva dijalankan seperti biasa selepas tamat tempoh PKP. Sesi viva dijalankan secara dalam talian sepanjang tempoh PKP sahaja.

13

Bagaimana proses penyerahan tesis Sarjana dan PhD?

Penyerahan tesis Sarjana dan PhD perlu dilakukan secara **softcopy** sahaja.

14

Adakah penyeliaan dan penilaian pelajar Sarjana (Penyelidikan) dan PhD dilaksanakan seperti biasa?

Semua penyeliaan dan penilaian pelajar **dilaksanakan seperti biasa** manakala semua aktiviti penyelidikan adalah tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

15

Jika saya telah memenuhi syarat menghantar tesis, adakah saya boleh menghantar tesis bagi tujuan Viva?

Sepanjang tempoh PKP, sekiranya pelajar telah menyiapkan tesis, pelajar boleh mengisi **borang penghantaran tesis melalui portal pelajar secara online (borang PG-17)**. Tesis pula boleh dihantar **melalui emel** kepada pegawai bertanggungjawab pengajian pascasiswazah di Fakulti/Institut masing-masing.

16

Adakah pelajar pascasiswazah (penyelidikan) akan dinilai kemajuan penyelidikan oleh penyelia masing-masing pada semester ini?

Ya, jika status pelajar aktif, pelajar akan dinilai kemajuan penyelidikan oleh penyelia bermula **24 Januari – 13 Februari 2021**.

17

Apakah platform yang digunakan untuk pembelajaran secara dalam talian?

Pembelajaran akan menggunakan platform **e-pembelajaran UMT** dan juga **platform lain** yang akan dimaklumkan oleh pensyarah masing-masing.

18

Bagaimanakah bentuk soalan peperiksaan akhir secara dalam talian yang akan dilaksanakan?

Bentuk soalan peperiksaan akhir secara dalam talian **akan ditentukan oleh pihak Fakulti/ Pusat Pendidikan**.

19

Adakah peperiksaan akhir boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain?

Ya, peperiksaan akhir boleh digantikan dengan kaedah penilaian lain. Mekanisme tersebut perlulah dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan Hasil Pembelajaran (LO) yang telah ditetapkan.

Frequently Asked Questions


 36 FAQs

Pengurusan Akademik & Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

20

Adakah dibenarkan untuk menukar program ke fakulti lain atau hanya dalam fakulti yang sama sahaja?

Pertukaran Program hanya dibenarkan antara **aliran sains dengan sains sahaja** atau **aliran sastera dengan sastera sahaja**.

21

Di manakah saya boleh merujuk tentang peraturan-peraturan akademik yang ditetapkan oleh UMT?

Pelajar boleh merujuk kepada **Buku Peraturan Akademik UMT** yang boleh dicapai dalam portal Mynemo.

22

Bilakah saya boleh menyemak semua kursus yang saya telah daftarkan?

Untuk menyemak kursus yang telah didaftarkan, pelajar boleh menyemak dalam **MyNemo (log masuk-pelajar)** menerusi **menu Akademik**.

23

Adakah pelajar baharu boleh membuat penangguhan pengajian?

Pelajar baharu **tidak dibenarkan** menangguhkan pengajian kecuali atas kes kesihatan.

24

Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan berhenti pengajian?

Permohonan Berhenti Pengajian boleh dibuat bila-bila masa dengan membuat permohonan kepada **Pusat Pengurusan Akademik Dan Kualiti (PPAK)**.

25

Di manakah saya boleh mengetahui kursus-kursus yang ditawarkan setiap semester?

Senarai kursus yang ditawarkan setiap semester **ditampal di papan kenyataan Fakulti masing-masing** dan menerusi **MyNemo (log masuk-pelajar)**.

26

Dimanakah saya boleh mendapatkan Jadual Waktu Kuliah?

Jadual Waktu Kuliah boleh diperolehi di **Fakulti masing-masing pada minggu MJM**. Untuk semester seterusnya Jadual Waktu Kuliah boleh didapati menerusi MyNemo (log masuk-pelajar) dan papan kenyataan Fakulti.

27

Bagaimanakah cara untuk mendaftar kursus ko-kurikulum?

Pelajar perlu mendaftar **kursus Ko-kurikulum** pada hari yang ditetapkan oleh **Pusat Pendidikan Asas Dan Lanjutan** dan **portal Mynemo**.

28

Dimanakah saya boleh memperoleh maklumat berkenaan tempat kuliah dan makmal?

Maklumat berkenaan boleh dirujuk di **papan kenyataan Fakulti** dan menerusi **MyNemo (log masuk-pelajar)**.

29

Dimanakah saya boleh mengetahui tarikh cuti semester?

Berpandukan **Kalendar Akademik** terkini yang dikeluarkan dan diedarkan oleh **Pusat Pengurusan Akademik Dan Kualiti (PPAK)** dan boleh juga rujuk di portal **Mynemo** pelajar.

30

Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat berkenaan kursus Ko-kurikulum?

Kod kursus Ko-kurikulum boleh dirujuk di dalam **buku panduan ko-kurikulum** yang diedarkan kepada pelajar baharu semasa MJM.

Frequently Asked Questions

36 FAQs

Pengurusan Akademik & Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

31

Saya adalah pelajar baharu yang telah mendapat tawaran program pengajian yang saya tidak minat. Bolehkah saya memohon untuk bertukar program?

Tawaran kemasukan untuk pelajar baharu adalah muktamad dan **tidak dibenarkan bertukar program**. Walau bagaimanapun, selepas satu semester pengajian, pelajar boleh memohon untuk bertukar program jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Universiti.

32

Bagi kes pertukaran program, adakah saya dibenarkan hanya untuk mengisi borang perubahan kursus sahaja tanpa membuat permohonan pertukaran program?

Tidak dibenarkan sama sekali. Ini kerana di dalam Sistem Maklumat Pelajar, anda masih lagi berada di program asal. Anda hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan agar tidak timbul masalah nanti.

33

Bagaimanakah cara saya mendaftarkan kursus untuk semester ini?

Semua kursus akan didaftarkan secara automatik ke dalam sistem kecuali untuk Ko-kurikulum. Pelajar diminta menyemak, membuat tambahan dan menggugurkan kursus menerusi MyNemo (log masuk-pelajar) dalam tempoh **3 minggu selepas buka semester**.

34

Adakah semua pelajar akan mendapat Mentor?

Ya, semua pelajar akan diagihkan kepada Mentor masing-masing.

35

Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut mengenai kursus yang ditawarkan?

Maklumat lanjut mengenai kursus yang ditawarkan boleh dirujuk dalam **Buku Panduan Fakulti** mengikut program masing-masing dan sekiranya perlu penjelasan yang lebih lanjut sila rujuk Mentor masing-masing.

36

Sekiranya alamat tetap dan maklumat peribadi saya berubah, di mana saya boleh mengemaskini maklumat terkini?

Pelajar boleh mengemaskini maklumat melalui portal rasmi **Warga UMT/MyNemo (log masuk-pelajar)** di alamat <http://mynemo.umt.edu.my>. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk mengemaskini maklumat peribadi masing-masing.